

KAEDAH MNEMONIK AKRONIM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

Siti Hasnah Zainal Abidin
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Universiti Sains Malaysia
0196137311
ccthasnah@usm.my

ABSTRAK

Peranan bahasa sebagai medium atau perantara komunikasi dalam proses pembelajaran merupakan elemen penting dalam pembentukan jati diri dan penguasaan linguistik seseorang individu. Kurang membaca, lebih banyak menggunakan media sosial dan fokus pada mata pelajaran tertentu antara punca pelajar sukar kuasai tatabahasa bahasa Melayu dengan tepat. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh mana penggunaan kaedah mnemonik akronim dapat menarik minat dan meningkatkan daya ingatan murid-murid terhadap PdP tatabahasa bahasa Melayu yang dipelajari dalam Bahasa Melayu IV (LKM 400). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada lapan orang responden berbeza jantina. Instrumen kajian merupakan borang soal selidik yang mengandungi lima item. Analisis kuantitatif digunakan untuk menjalankan analisis statistik. Data analisis meliputi skor min dan peratusan. Hasil kajian mendapati tahap minat murid dalam tatabahasa bahasa Melayu melalui penggunaan kaedah mnemonik akronim adalah tinggi. Manakala, tahap daya ingatan murid juga berada pada tahap tinggi menerusi penggunaan penggunaan kaedah mnemonik akronim. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah ini sesuai dipraktikkan dalam kalangan pelajar universiti khususnya, kerana ia bukan sahaja mampu menarik minat belajar malahan dapat meningkatkan daya ingatan pelajar untuk menguasai sesuatu topik dengan lebih cepat. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan tatabahasa yang tepat dapat dijadikan melahirkan maksud yang sepadan dan mudah difahami dalam usaha mendidik anak dengan menggunakan bahasa yang sesuai pada tempat dan situasinya.

Kata kunci: tatabahasa, kaedah mnemonik, latihan, daya ingatan.

1. Pengenalan

Kurang membaca dan menulis, lebih banyak menggunakan media sosial dan fokus pada mata pelajaran tertentu antara masalah yang sering dihadapi oleh pelajar dalam menguasai tatabahasa Bahasa Mealyu dengan betul. Kegagalan menguasai komponen tatabahasa yang merujuk pada kegagalan menguasai aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu dengan baik. Tidak dapat kita nafikan sejak dulu lagi pelajar terdedah dengan banyak kesalahan tatabahasa hingga menyebabkan mereka sudah biasa untuk melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Norma kesalahan tatabahasa ini akan menjadi budaya yang bobrok dalam tempoh masa yang panjang.

Tambahan pula, pelajar sekarang mempunyai masalah daya ingatan sukar untuk menguruskan maklumat baru dan memahami suatu ilmu dengan lebih dalam. Kelemahan pelajar menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul turut dipengaruhi oleh gaya pembelajaran mereka. Hal ini menjadikan pelajar ketinggalan dan sukar untuk mahir dalam suatu ilmu. Walau bagaimanapun, ada strategi untuk melatih kemahiran memori jangka pendek dan jangka panjang ini.

Aspek ini perlu diajar dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya pelajar dapat memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis. Daya ingatan pelajar boleh ditingkatkan dengan cara guru memberikan maklumat baru melalui penggunaan sumber/bahan/media pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Penambahan sebarang maklumat yang baru akan menyebabkan peningkatan daya ingatan mereka kepada sesuatu perkara. Kepelbagaian cara belajar dan cara berfikir

juga merupakan gaya pembelajaran yang membolehkan seseorang individu untuk menjalani aktiviti pembelajaran dengan lebih baik untuk menguasai kemahiran-kemahiran tertentu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian di dalam kelas (Nachiappan et al., 2018). Pengajaran akan lebih berkesan jika guru melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid (Dunn & Dunn, 1978). Penglibatan pelajar secara aktif memberikan pengalaman baru kepada pelajar dengan melalui proses ini sendiri dan dengan cara ini maklumat akan disimpan dalam stor ingatan jangka panjang. Lebih baik sekiranya proses pembelajaran yang digunakan mampu menjadikan pelajar untuk kekal menguasai ilmu tersebut sehingga akhir hayat mereka.

Bagi menguatkan hipotesis kajian ini, pengkaji telah merujuk pada beberapa pandangan yang dikemukakan oleh penyelidik yang melakukan kajian berkaitan kesan mnemonik terhadap pembelajaran. Menurut Maizan Muhammad (2017: 309) mnemonik mampu menangkap maklumat dalam bentuk yang mudah untuk diingat bagi membantu seseorang itu mengingati sesuatu yang penting. Dalam situasi ini, mnemonik boleh membantu pelajar daripada pelbagai peringkat sama ada pra sekolah, sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk lebih cepat mengingati semua maklumat yang sering digunakan dan maklumat yang diperlukan segera.

Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin dan Mohd Aderi Che Noh (2016: 314) pula menyatakan bahawa masalah mengingati menjadi cabaran utama untuk menguasai sesuatu topik kerana mengandungi fakta-fakta yang memerlukan gaya pembelajaran yang sesuai bagi menguatkan daya ingatan. Kajian mnemonik ini digunakan untuk membuktikan bahawa penggunaan teknik pembelajaran mnemonik mampu meningkatkan daya ingatan dan pencapaian pelajar.

Selain itu, Worthen dan Hunt (2008:166) yang merupakan tokoh Barat juga bersetuju bahawa penggunaan teknik mnemonik yang mampu meningkatkan penyimpanan maklumat-maklumat baru serta mengingati sesuatu adalah sangat berkesan. Menurut mereka, mnemonik ialah teknik atau peranti, sama ada secara lisan atau visual, yang berfungsi untuk meningkatkan penyimpanan maklumat baharu, dan mengingati kembali maklumat yang terkandung dalam ingatan. Mnemonik telah terbukti sangat berkesan dalam membantu orang mengingati sesuatu.

Akhir sekali, kenyataan ini dikukuhkan oleh tokoh Barat yang lain iaitu Thompson (1987: 40) seperti yang dipetik oleh Amirousefi & Ketabi, (2011). Menurut beliau penggunaan mnemonik mampu membantu pelajar untuk mempelajari sesuatu topik dengan cepat dan mudah mengingati dengan berkesan. Beliau menambah kenyataan tentang kebergunaan peranti mnemonik dengan cara menyatakan bahawa kaedah ini boleh membantu pelajar belajar dengan lebih cepat dan mengingati dengan lebih baik melalui penyepaduan bahan baharu ke dalam unit kognitif sedia ada dan dengan menyediakan isyarat perolehan semula. Jelas bahawa kaedah mnemonik terbukti berkesan dalam semua peringkat umur.

2. Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini adalah:

- I. mengkaji keberkesanan kaedah mnemonik dapat meningkatkan daya ingatan tatabahasa pelajar.
- II. menganalisis kegunaan penggunaan kaedah mnemonik dalam pembelajaran pelajar

3. Keperluan Kaedah

Masalah penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar satu masalah yang serius dan masalah ini perlu dibetulkan. Untuk mengajari pelajar tatabahasa yang betul di dalam kelas, guru perlu memastikan pengajaran mereka lebih mudah seperti memperkenalkan rumus, tip dan formula tentang penggunaan tatabahasa yang betul dan memberikan contoh ayat yang sesuai. Proses belajar untuk menjawab soalan akan lebih menarik dan menjimatkan kertas apabila guru menghasilkan latihan menggunakan Google Form dan pelajar boleh menjawab latihan itu pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Kaedah ini merupakan salah satu cara menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih santai dan lebih dekat dengan jiwa pelajar terutama golongan muda. Di samping itu, pelajar lebih mengingati sesuatu isi pelajaran dengan adanya teknik mnemonik yang berkesan tanpa mengira latar belakang sama ada aliran Sains atau Sastera.

4. Kajian Lepas

Dalam sorotan kajian lepas ini akan membuktikan bahawa kaedah mnemonik merupakan satu daripada kaedah yang efektif yang mampu untuk membantu mengingati sesuatu dalam memori individu dalam jangka panjang tanpa mengira usia.

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik luar tentang keberkesanan mnemonik sebagai panduan sebelum melaksanakan kajian ini. Berdasarkan dapatan yang ditemui terdapat hasil kajian yang positif tentang kajian mnemonik yang dilaksanakan khususnya terhadap keberkesanan penggunaan mnemonik dalam kalangan pelajar sekolah.

Tang Geok Ling (2005:313) telah melaksanakan satu kajian tindakan yang bertujuan meningkatkan keupayaan pelajar Tingkatan 1 Amanah SMK Engkilili dalam mengingat fakta-fakta Sejarah dengan menggunakan kaedah mnemonik. Dalam kajian tersebut, menggunakan kaedah seperti temu bual dengan enam orang pelajar, merujuk catatan diari pengkaji sendiri, menganalisis catatan murid, berbincang dengan guru Sejarah lain dan membuat pemerhatian terhadap pelajar semasa proses pelaksanaan kaedah mnemonik. Pengkaji juga telah melaksanakan kaedah mnemonik dalam dua peringkat iaitu melibatkan pengenalan kaedah mnemonik secara individu dan melaksanakan kaedah mnemonik secara berkumpulan. Kajian beliau pada akhirnya mendapati bahawa kaedah mnemonik dapat membantu murid-murid mengingati fakta Sejarah dengan lebih berkesan, memudahkan mereka membuat ulang kaji dan mencungkil daya kreativiti pelajar.

Selain itu, Atay dan Ozbulgan (2007: 168) telah menjalankan kajian yang bertajuk 'The effects of memory strategy instruction along with learning through context on the ESP vocabulary recall of Turkish EFL learners'. Hasil kajian mereka ini menunjukkan bahawa strategi ingatan atau strategi mnemonik dapat meningkatkan pembelajaran perbendaharaan kata. Kajian mereka menggambarkan sesuatu yang menarik. Pertama, arahan strategi harus diintegrasikan ke dalam pembelajaran perbendaharaan kata kontekstual. Selepas menemui makna perkataan melalui konteks yang berbeza, pelajar harus dibimbing untuk mengingatkannya melalui strategi memori yang berbeza. Kedua, arahan harus memberikan tumpuan kepada pelbagai strategi, dan pelajar harus diminta untuk memilih yang paling berkesan untuk diri mereka sendiri dengan cara menyediakan pelajar dengan satu atau dua strategi. Untuk berbuat demikian guru harus menggunakan strategi pengajaran yang berbeza.

Khoirunnisa dan Annisa Siti (2015: 315) pula memberikan fokus dengan menggunakan kaedah Kuasi-eksperimen, dengan rekabentuk Non-Equivalent Control Group Design. Kajian mereka pula berkaitan kajian keberkesanan teknik mnemonik dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Dalam kajian ini, pengkaji menetapkan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan masing-masing 30 orang. Seterusnya, kumpulan eksperimen diberikan intervensi (treatment) iaitu penggunaan teknik mnemonik, sementara kumpulan kawalan tidak dilaksanakan teknik yang sama. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh yang positif dan signifikan pada kemampuan mengingat kosa kata dengan menggunakan teknik mnemonik.

Selain itu, Maizan binti Mat@Muhammad dan rakan-rakan (2017) pula telah melakukan kajian untuk mengenal pasti perbezaan daya ingatan peserta dalam mengingat mnemonik Aliran Sastera dan Aliran Sains dan menganalisis faktor-faktor kesilapan yang mempengaruhi peserta dalam mengingat mnemonik yang diberikan dan menggalakkan penggunaan strategi mnemonik dalam sesi pembelajaran. Kajian ini berjaya membuktikan bahawa penggunaan mnemonik sama ada dalam bentuk Mnemonik Sastera atau Mnemonik Sains, dapat digunakan dalam aktiviti pembelajaran yang memerlukan mereka mengingat sesuatu maklumat dengan cara yang lebih mudah. Mereka menyatakan bahawa teknik mnemonik sangat membantu mengingat fakta-fakta yang banyak dan rumit serta meningkatkan input ingatan, mengurangkan tekanan minda dan membantu meluaskan skop ingatan dalam kadar maksima.

Melalui beberapa sorotan kajian lepas yang dipilih seperti Tang Geok Ling (2005), Atay dan Ozbulgan (2007) dan Khoirunnisa dan Annisa Siti (2015), Maizan dan rakan-rakan (2017) pengkaji dapat merumuskan bahawa sudah ada beberapa kajian yang dilakukan bagi menguji fungsi mnemonik yang kesannya dapat memberikan impak positif terhadap kognitif peserta yang diuji. Justeru, dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kajian daya ingatan peserta terhadap mengingat kedua-dua mnemonik iaitu Mnemonik Sastera atau Mnemonik Sains yang lebih mudah diingati oleh pelajar.

5. Kaedah Kajian

Antara metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian secara maya, pengumpulan data demografi dan penganalisan data. Dalam kajian ini, strategi mnemonik digunakan ialah akronim untuk menghasilkan rumus yang bersesuaian. Pelajar akan diajar terlebih dahulu ilmu berkaitan tatabahasa seperti binaan ayat, ayat majmuk, kata kerja tak transitif, kata kerja transitif, kata pemerian, kata adjektif dan kata sendi nama. Semasa pengajaran guru menggunakan kaedah mnemonik agar pelajar dapat mengingat rumus tatabahasa dengan lebih mudah. Kemudian guru meminta pelajar menjawab latihan yang disediakan dalam Google Form. Dapatan latihan tersebut dianalisis sama ada pelajar berjaya menguasai tatabahasa dengan baik atau masih terdapat kekeliruan yang berlaku. Kaedah ini membantu meningkatkan pemahaman pelajar dan membantu pelajar membina ayat yang gramatis.

6. Permasalahan Kajian

Menjadi satu caraban yang besar bagi guru jika pelajar tidak peduli tentang tatabahasa yang digunakan dan tidak mahir menggunakan tatabahasa dalam bahasa Melayu dengan tepat. Terdapat faktor-faktor yang boleh diambil kira seperti wujud situasi pelajar sukar menentukan kesilapan mengingat rumus tatabahasa. Pelajar yang tidak biasa dengan penggunaan tatabahasa yang betul juga agak sukar menggunakannya ketika menjawab latihan kerana asas tatabahasa mereka lemah.

Walaupun mereka menggunakan bahasa dalam komunikasi seharian, mereka tidak mempraktikkan penggunaan tatabahasa yang betul.

Selain itu, hanya segelintir sahaja pelajar yang faham ilmu yang disampaikan oleh guru kerana berlaku proses gangguan sama ada dalam proses penyampaian maklumat atau kecuaiian yang nyata dari aspek tatabahasa kerana bukan semua konsep yang diajar diingat dan dikuasai dengan baik oleh pelajar. Masalah ini berputik sejak sekolah rendah, berterusan hingga mereka belajar di sekolah menengah dan berlarutan hingga mereka bergelar mahasiswa.

7. Jenis Kaedah Mnemonik Akronim

Lain orang mempunyai lain cara atau kaedah untuk mengingat sesuatu maklumat. Mnemonik merupakan satu kaedah untuk membantu memori menyimpan maklumat atau informasi yang penting yang telah dipelajari dan dingati dengan lebih mudah. Perkataan mnemonik ini berasal daripada bahasa Greek 'mnēmōnikos', daripada perkataan 'mnēmōn' yang bermaksud 'mindfulness', atau 'mimnēskesthai' bermaksud 'to remember' iaitu yang banyak berkaitan dengan pemikiran atau minda (mind). Mnemonik dalam Kamus Lengkap Psikologi adalah seni meningkatkan daya ingatan dengan bantuan (James P. Chaplin, 2011: 307). Menurut Muhibbin Shah (2013: 179), helah mnemonik adalah helah khas yang digunakan sebagai 'hooking' mental untuk memasukkan item-item maklumat ke dalam minda pelajar. Mnemonik menggunakan prinsip asosiasi, iaitu informasi yang ingin diingat dikaitkan dengan informasi lain yang mudah diingat. Hal ini membolehkan individu mengingat fakta-fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat dan data sedia ada yang lebih ringkas dan mudah.

Jenis mnemonik yang digunakan berbagai-bagai, bergantung pada jenis manusia yang berbeza-beza antara satu sama lain. Perkara yang penting ialah setiap orang perlu menggunakan kaedah mnemonik yang bersesuaian dengan mereka dan dapat berfungsi dengan baik. Menurut Maizan binti Mat@Muhammad (2017), antara teknik mnemonik yang biasa digunakan ialah kaedah loci, sistem kata kunci, chunking, teknik akronim dan teknik akrostik.

1. Teknik Loci

Loci bermaksud lokasi ialah teknik mnemonik yang berfungsi dengan mengasosiasikan tempat-tempat atau benda-benda di lokasi yang dikenal dengan hal-hal yang ingin diingat.

Contohnya kita akan membuat pembentangan yang mengandungi tiga topik utama. Setiap bahagian pembentangan akan dihubungkan dengan penanda yang mewakili turutan isi pembentangan. Kita cuba bayangkan sebuah ruangan kelas. Pasu bunga yang ada di sudut ruangan kelas ialah benda pertama yang kita lihat ketika bergerak ke depan. Kita memilih pasu bunga itu untuk mengingatkan kita pada ucapan selamat pada pensyarah dan rakan-rakan yang berada dalam kelas. Lampu-lampu yang ada dalam kelas pula dipilih untuk mengingatkan kita pada topik selanjutnya atau isi-isi ucapan, dan mungkin pintu kelas dipilih untuk mengingatkan bahagian penutup pembentangan yang akan kita sampaikan.

Apabila kita ingin menggunakan teknik ini, kita perlu pilih tempat yang sangat dekat dengan diri kita seperti rumah, kereta, pejabat atau sebagainya. Semakin pelik dan unik imaginasi kita, semakin mudah untuk kita mengingatnya.

2. Teknik Kata Kunci

Teknik mnemonik ini telah digunakan orang selama bertahun-tahun, terutama untuk mengingat kata-kata bahasa asing dan konsep abstrak. Teknik ini ialah asosiasi lain yang mengaitkan secara verbal dan visual kata yang hampir sama dengan kata atau konsep yang harus diingat.

Contohnya, dalam mempelajari bahasa asing, teknik mnemonik sangat membantu mengingat perkataan baru dan maknanya. Sebagai contoh, bagi mengingat perkataan pintu, cermin dan memukul dalam bahasa Arab adalah dengan menggunakan perkataan yang sama bunyinya dengan bahasa Melayu. Jadi pintu (baa-bun) sama bunyinya dengan haiwan babun (babun di pintu), cermin (mer-ah) sama bunyi dengan merah (cermin warna merah) dan memukul (doroba) sama bunyinya dengan nama pemain bola sepak Drogba (Drogba memukul pemain bola).

3. Teknik Kata Penghubung

Menghubungkan ialah proses mengaitkan atau mengasosiasikan satu kata dengan kata yang lain melalui sebuah aksi atau gambaran. Strategi ini biasa digunakan dengan sistem kata penanda untuk mengingatkan serangkaian informasi dalam urutan tertentu. Teknik ini diimplementasi pada aliran sains. Mnemonik teknik ini merupakan teknik yang mengetengahkan huruf-huruf kunci untuk membuat konsep abstrak lebih konkrit, sehingga mudah diingat. Namun, teknik ini tidak selalu menggunakan huruf pertama dan tidak selalu menghasilkan singkatan dalam bentuk satu kata, informasi yang diingat dalam akrostik dapat berbentuk perkataan atau frasa tertentu. Hal ini mungkin oleh sebab kekurangan atau tidak wujudnya huruf vokal untuk membawa bunyi tertentu yang boleh membentuk kata (Yahya Othman dan Roselan Baki etl, 2009: 93).

Contohnya strategi kata penanda. Untuk mengingat nombor telefon 019-441 0467, kita dapat diingat dengan dihubungkan dengan (4) roda kereta rosak ditarik oleh lori besar yang juga beroda (4) sampai di sebuah selekoh yang ada (1) pokok besar sebelah rumah yang kosong (0). Lori besar beroda (4) itu membawa telur setengah dozen (6) untuk makan selama seminggu (7) atau kita ingin menyederhanakan proses mengingatnya dengan mengkombinasikan nombor dalam beberapa unit, sehingga nombor itu dapat diingat dengan lebih mudah. Kunci dalam membuat hubungan ialah menggunakan imaginasi. Hubungan yang dibentuk tidak perlu logik atau realistik, yang penting hubungan itu memicu ingatan anda.

4. Akronim

Akronim ialah satu kata yang terhasil daripada huruf pertama dari serangkaian kata. Teknik akronim digunakan merupakan satu kata yang terhasil daripada huruf pertama dari serangkaian kata. Akronim sering digunakan ketika ketika menghafal perkataan dalam susunan tertentu. Akronim juga sangat umum dan terpakai dalam banyak bahasa dan bidang.

Contohnya, salah satu akronim yang terkenal ialah NASA, badan ruang angkasa Amerika Syarikat, singkatan daripada National Aeronautics and Space Administration. Akronim ada masanya menggunakan huruf kedua (biasanya huruf vokal) agar singkatan lebih mudah dibaca tetapi akronim tidak harus selalu membentuk kata. Gunakan imaginasi kita sekiranya kita perlu mengingat lima perkara yang perlu kita lakukan. Secara automatik, kita akan dapat memicu ingatan kita dengan membuat akronim tersebut. Dalam pengajian Islam contohnya, untuk mengingat rukun nikah yang terdiri daripada Suami, Isteri, Saksi, Wali dan Akad boleh disingkatkan menggunakan kaedah akronim SISWA.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua jenis teknik iaitu teknik kata penghubung dan teknik akronim untuk menguji keupayaan penguasaan tatabahasa pelajar yang telah diajar oleh guru sebelum ini.

Walau bagaimanapun, penggunaan teknik mnemonik ini juga dilihat mempunyai kelemahan tertentu. Hal ini demikian kerana, mnemonik lebih cenderung penggunaannya untuk menghafal sesuatu fakta atau maklumat, namun bukan untuk memahami maklumat tersebut. Seterusnya, terdapat kesukaran untuk membentuk singkatan atau pengakroniman dalam mnemonik. Pengkaji mendapati bahawa tidak semua perkataan atau maklumat dapat diringkaskan atau dibentuk ke dalam perkataan atau frasa yang ringkas. Jika tidak dibina dengan betul, mnemonik yang dihasilkan akan menjadi janggal atau pelik.


Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan satu eksperimen terhadap sepuluh pelajar terpilih untuk melihat penggunaan mnemonik. Pelajar dipilih berdasarkan beberapa kriteria tertentu. Eksperimen ini berlangsung secara berperingkat selama dua minggu berturut-turut dan dua borang yang berbeza. Pelajar dibenarkan merujuk nota yang disediakan dan menjawabnya sebelum kelas bermula. Pelajar akan berjumpa guru di dalam kelas seminggu sekali sahaja. Pelajar diajar selama beberapa minggu tentang tatabahasa Bahasa Melayu sebelum diberikan latihan. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dalam bentuk jadual dan graf bagi melihat kadar signifikan mnemonik. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan hipotesis awal yang telah dibuat. Tujuannya adalah untuk membuktikan bahawa mnemonik yang dihasilkan mampu untuk membantu dalam menguatkan daya ingatan pelajar.

8. Dapatan Kajian


Bahagian ini memaparkan secara terperinci dapatan kajian berhubung dengan penguasaan pelajar terhadap aspek pola binaan ayat, ayat majmuk gabungan, kata pemer, kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menguasai tatabahasa Bahasa Melayu. Analisis ini diperoleh berdasarkan jawapan pelajar tersebut.

8.1. Demografi Responden

Taburan data responden diperihalkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2 yang meliputi bangsa, dan pengkhususan di bawah.



Rajah 1: Taburan bangsa pelajar.




Rajah 2: Taburan pengkhususan pelajar.

Dalam Rajah 1 menunjukkan responden terdiri daripada 50% pelajar Cina, 37.5% pelajar Melayu dan 12.5% pelajar India. Rajah 2 pula menunjukkan responden melibatkan lima orang beraliran Sains dan lima orang beraliran Sastera.

Bagi Soalan 1 yang memfokuskan binaan ayat jawapan pelajar seperti dalam Rajah 3 berikut:

A. BINAAN AYAT



Rajah 3: Pola binaan ayat.

Dapatan Rajah 3 menunjukkan semua pelajar dapat menguasai pola ayat dengan baik. Mereka dapat membeza kedudukan kata lain sebelum atau selepas golongan kata utama. Kedudukan tersebut melibatkan di belakang kata nama ada kata penentu, di depan kata kerja ada kata bantu, di depan atau belakang kata adjektif ada kata penguat dan di belakang kata sendi nama ada kata nama.

Bagi Soalan 2 pula berkaitan kesejajaran ayat majmuk gabungan. Soalan diberikan seperti dalam Rajah 4 dan dapatan responden dipaparkan dalam Rajah 5 iaitu:-


B. AYAT MAJMUH GABUNGAN *

Sila pilih salah satu

	Sejajar	Tidak sejajar
Penduduk itu menanam pisang d...	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Perdebatan tadi tegang, panas da...	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Majlis dirasmikan dan kemudian ...	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Teman serumahnya rajin, jujur da...	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Risalah itu telah saya cetak dan s...	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Rajah 4: Soalan ayat majmuk gabungan.

B. AYAT MAJMUH GABUNGAN



Rajah 5: Dapatan ayat majmuk gabungan.

Dapatan Rajah 4 menunjukkan semua pelajar dapat membezakan ayat majmuk yang diberikan sama ada sejajar atau tidak sejajar. Mereka dapat membezakan kejajaran ayat majmuk tersebut berdasarkan golongan kata yang diberikan. Mereka memilih sejajar pada ayat yang mempunyai gabungan golongan kata yang sama dan memilih tidak sejajar pada ayat yang mempunyai gabungan golongan kata yang berbeza. Di sini mereka akan berfikir jawapan golongan kata yang sesuai menggantikan golongan kata yang salah itu.


Bagi Soalan 3 pula berkaitan penggunaan kata pemerai yang sesuai dan pola ayat yang tepat. Soalan diberikan seperti dalam Rajah 6 dan dapatan responden dipaparkan dalam Rajah 7 iaitu:-

C. KATA PEMERI *
Silalah pilih salah satu

	FN + FN	FN + FA	FN + FSN
Dia ialah pelukis.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Serai adalah wangi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Lokasi kerikil adalah di sungai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penduduk di desa adalah sangat aktif.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Badannya adalah letih dan lesu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Malaysia ialah negaraku yang kucintai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Bersenam ialah kegiatan menyihatkan badan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tanggungjawabnya ialah menyelia akaun.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Datin Wina adalah antara tetamu kehormat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Antara tugasnya adalah Projek A.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Rajah 6: Soalan kata pemerri.

C. KATA PEMERI



Rajah 7: Dapatan kata pemerri.

Dapatan Rajah 7 menunjukkan semua pelajar dapat membezakan pola ayat berdasarkan ayat yang mempunyai kata pemerri yang sesuai. Mereka tahu sekiranya ayat yang mengandungi kata pemerri ‘ialah’ terhasil daripada pola ayat Frasa Nama (FN)+ Frasa Nama (FN). Manakala sekiranya ayat yang mengandungi kata pemerri ‘adalah’ terhasil daripada pola ayat Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA) dan Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Nama (FSN).

Bagi Soalan 4 pula berkaitan penggunaan jenis kata tak kerja transitif yang sesuai. Soalan diberikan seperti dalam Rajah 8 dan dapatan responden dipaparkan dalam Rajah 9 iaitu:-


D. FRASA KERJA TAK TRANSITIF *

Sila pilih kesilapan tatabahasa dalam ayat ini

	"ber-" "pada"/ "ber-kan"	Kata Kerja Tak Transitif KKTT + akan/KSN + KN	"ber- + KN + frasa kerja iringan"
Alif bercita-cita menawan Puncak Kinabalu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Percakapan lelaki itu bersumberkan teks yang tepat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Semua orang berpeluang membina pengalaman baharu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mereka tidak tahu akan hal itu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Dia mahu balik ke kampung.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kerjanya berpandu pada etika.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Rajah 8: Soalan kata kerja tak transitif.

D. FRASA KERJA TAK TRANSITIF




Rajah 9: Dapatan kata Kerja Tak Transitif.

Dapatan Rajah 9 menunjukkan majoriti pelajar dapat membezakan jenis kata kerja tak transitif berdasarkan ayat yang mempunyai imbuhan yang sesuai. Ada seorang yang menjawab dengan jawapan yang salah. Perkara ini tidak terlalu ketara kerana mungkin pelajar ini sedikit keliru.

Bagi Soalan 5 pula berkaitan penggunaan jenis kata kerja transitif yang sesuai. Dapatan responden dipaparkan dalam Rajah 10 iaitu:-

E. FRASA KERJA TRANSITIF



Rajah 10: Soalan dan dapatan kata kerja transitif.

Dapatan Rajah 10 menunjukkan pelajar sudah keliru untuk membezakan jenis kata kerja transitif berdasarkan ayat yang mempunyai imbuhan yang sesuai. Tidak dapat dinafikan oleh sebab rumus untuk menguasai kata kerja transitif banyak telah menjadikan pelajar keliru untuk membezakan jenis kategori kata kerja transitif tersebut. Daripada sepuluh soalan hanya empat soalan yang dijawab betul

oleh semua pelajar. Sebenarnya untuk menguasai rumus kata kerja transitif akan jadi mudah sekiranya pelajar dapat membezakan beberapa ciri jenis kata kerja tersebut sama ada asal atau terbitan, maksud kata kerja tersebut, imbuhan yang tepat dan objek selepas kata kerja tersebut.

9. Kesimpulan

Daya ingatan pelajar adalah penting untuk kejayaan akademik dan pembelajaran jangka panjang. Untuk memastikan pelajar terus mengekalkan ilmu yang diajarkan, guru harus memainkan peranan yang bijak dengan cara menggunakan pelbagai kaedah. Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah disimpulkan kaedah mnemonik seperti menggunakan teknik kata penghubung dan teknik akronim telah menggalakkan penggunaan visual pelajar. Manakala kaedah perbincangan telah menggalakkan penggunaan auditori pelajar. Guru juga boleh menggunakan teknik menjawab latihan dengan lebih interaktif dengan cara menyediakan soalan secara maya untuk dijawab oleh pelajar pada bila-bila masa. Pelajar juga perlu membuat ulang kaji sendiri untuk memastikan tahap penguasaan tatabahasa mereka sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Pada masa akan datang, para pengkaji lain juga boleh mengkaji keberkesanan kaedah mnemonik yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan subjek yang lain. Hal ini demikian kerana penggunaan teknik mnemonik tidak terbatas kepada mana-mana mata pelajaran atau kursus pengajian sahaja. Lebih memberikan kesan sekiranya guru mengkaji dahulu kesesuaian kaedah ini dengan ilmu yang ingin diuji dan usaha ini akan lebih bermakna jika guru dan pelajar itu sendiri mempunyai kreativiti yang tinggi untuk memahami ilmu tersebut agar ia mudah disampaikan dan diterima. Dijangkakan dengan cara ini, pengajaran dan pembelajaran dalam kelas akan menjadi lebih mudah dan menarik. Usaha ini amat relevan dengan cabaran pelajar sekarang dan masa hadapan yang memerlukan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang mudah tanpa menjejaskan objektif pengajaran dan pembelajaran

10. Rujukan

- Amiryousefi, M., & Ketabi, S. (2011). Mnemonic instruction: A way to boost vocabulary learning and recall. *Journal of Language Teaching and Research*, 2(1), 178-182.
- Atay & C. Ozbulgan (2007). *Memory strategy instruction, contextual learning and ESP vocabulary recall. English for Specific Purposes* 26(1), 39-51.
- James P. Chaplin, (2011), *Kamus Lengkap Psikologi*, Jakarta: P.T Raja Grafindo Persada.
- Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching Students through Their Individual Learning Styles*. Reston, VA: Reston.
- Khoirunnisa, Annisa Siti. (2015). Efektivitas mnemonik dalam meningkatkan kemampuan siswa terhadap penguasaan kosakata bahasa arab: studi kuasi eksperimen terhadap siswa kelas 11 IPA Madrasah Aliyah Negeri 1 Bandung. *SI thesis*, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Maizan binti Mat@Muhammad, (2017), Teknik Mnemonik sebagai Strategi Kognitif dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas, dalam *National Pre University Seminar*, 23 Ogos 2017, hlm 309 – 317.
- Maizan Mat@Muhammad, Kalthom Husain & Marhaini Abdul Ghani. (2017). Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif Dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi Bagi Penguasaan Bahasa Inggeris: Sorotan Kajian Lepas Dalam *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*, 3th -14th Desember 2017, Grand Bluewave Hotel Shah Alam, 180-188.

- Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Teknik pembelajaran Mnemonik dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. Dalam *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11 2016*, 16 November 2016. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor, 1161-1171.
- Muhibbin Syah, (2013). *Psikologi Belajar*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Nachiappan, S., Yin, G. S., & Sehgar, S. C. (2018). Aplikasi kemahiran kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) daerah Sabak Bernam. *PENDETA*, 9, 32-40.
- Tang Geok Ling, 2005. "Meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta sejarah dengan menggunakan kaedah mneumonik." Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan tahun 2005*, 3-4 Oktober 2005. Pejabat Pelajaran Gabungan Bahagian Sri Aman dan MP Batu Lintang, Kuching Sarawak, 97-107.
- Worthen, J. B., & Hunt, R. R. (2011). *Mnemonology: Mnemonics for the 21st century*. New York, NY: Taylor & Francis.
- Yahya Othman, Roselan Baki, dan Naffi Mat, (2009). *Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu dari Teori ke Praktik*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.